

Perisian Hamparan Meningkatkan Produktiviti

Adrus Mohamad Tazuddin



Perisian hamparan adalah satu daripada jenis perisian produktiviti yang digunakan untuk mengurus selia data, terutamanya dalam kuantiti yang banyak, misalnya senarai nama pelanggan atau transaksi kewangan. Antara perisian hamparan yang popular dan boleh dipercayai ialah Microsoft Excel dan Google Sheet. Satu daripada ciri umum bagi perisian hamparan ialah penggunaan baris, lajur, sel, fungsi, dan formula dalam operasinya.

Kelebihan Menggunakan Perisian Hamparan

Dengan menggunakan perisian hamparan, data dapat disimpan dengan lebih sistematik. Perisian ini mempunyai format data yang seragam dan membolehkannya diteliti dan diproses menjadi informasi yang berguna seperti dalam bentuk jadual atau carta.

Dengan adanya jadual dan carta yang berguna, seseorang itu boleh melihat sesuatu keadaan dari segi perspektif

dan menyeluruh serta membolehkannya mengambil keputusan yang terbaik. Sebagai contohnya, perisian hamparan boleh digunakan dalam memajukan perniagaan atau untuk mengesan transaksi perniagaan yang mencurigakan.

Automasi dalam memproses data juga menjadikan perisian hamparan sebagai pilihan, terutamanya dalam situasi data yang perlu diproses dalam jumlah yang sangat banyak. Misalnya,

sebuah kelas di universiti mungkin mempunyai 700 orang pelajar dan proses menggred markah bagi setiap pelajar akan mengambil masa yang lama.

Sekiranya seorang pensyarah mengambil masa selama satu minit untuk menggred markah seorang pelajar, jumlah masa yang diambil untuk menyiapkan markah bagi sebuah kelas mencecah 700 minit.

Dengan menggunakan perisian hampan, pensyarah tersebut hanya perlu membuat formula untuk menggred markah seorang pelajar. Formula yang sama boleh digunakan untuk 699 orang pelajar yang lain dan proses ini dapat dilakukan secara automasi. Sekiranya pensyarah berkenaan menggunakan masa selama lima minit untuk mencipta formula tersebut, dia memerlukan lebih banyak masa berbanding dengan menggred markah untuk seorang pelajar. Namun begitu, untuk data yang banyak, kita boleh melihat keberkesanan dalam penjimatan masa yang pensyarah tersebut peroleh.

Sekiranya manusia membuat perkara yang berulang-ulang dalam tempoh masa yang lama, kesilapan mungkin berlaku. Kesilapan manusia dapat dikurangkan dalam pemrosesan dan urus selia data dengan menggunakan perisian hampan. Penggunaan formula dan automasi dalam perisian hampan bukan sahaja dapat menjimatkan masa, malah kadar kesilapan dalam komputasi oleh komputer sangat rendah.

Cabaran Menggunakan Perisian Hampan

Walaupun kelebihan menggunakan perisian hampan sangat jelas, kebanyakannya orang masih cuba untuk mengelak daripada menggunakannya. Hal ini termasuklah seseorang yang berurusan dengan data yang banyak pada setiap hari. Antara faktor utama yang menyebabkan situasi ini berlaku adalah kerana mereka tidak mahu mempelajari cara untuk mengendalikan perisian hampan dengan betul. Mereka lebih selesa melakukan pengiraan secara manual berbanding dengan mempelajari kaedah menggunakan perisian hampan yang dianggap memerlukan kemahiran

yang kompleks. Terdapat juga individu yang menggunakan perisian hampan tetapi setiap entri dalam perisian tersebut dibuat secara manual dan tidak efisien.

Kita perlu menyedari bahawa belajar menggunakan perisian hampan ini adalah seperti pelaburan dalam bentuk masa dan usaha. Sememangnya kita akan berdepan dengan fasa yang memerlukan kita lebih berusaha dan meluangkan masa untuk belajar semua formula dan ciri yang terdapat dalam perisian hampan itu. Setelah mempunyai kemahiran, pelaburan ini akan menunjukkan pulangan yang lumayan dalam bentuk penjimatan masa, kualiti data dan keluaran informasi yang berguna.

Kini, terdapat pelbagai kaedah untuk mempelajari cara menggunakan perisian hampan dengan betul dan efisien. Perisian hampan ini perlu digunakan secara praktikal dan sentiasa mencuba untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi di samping menambah baik kaedah yang sedia ada. Terdapat pelbagai video dalam laman sesawang penstriman yang boleh ditonton secara percuma. Kesemua video ini menunjukkan kaedah menggunakan perisian hampan secara langkah demi langkah dengan betul dan mudah diikuti.

Selain itu, terdapat juga forum dalam talian yang boleh disertai bagi mencari kaedah menggunakan perisian hampan dengan betul. Penyertaan dalam forum ini adalah percuma dan terdapat banyak pakar perisian hampan yang bersemangat dalam berkongsi ilmu serta membantu menyelesaikan masalah orang lain.

Antara cabaran lain dalam penggunaan perisian hampan ialah ketiadaan perisian hampan itu. Kini, seseorang itu sudah boleh menggunakan perisian hampan dalam perisian pelayar Internet sahaja. Failnya juga sudah boleh disimpan dalam penyimpanan awan secara dalam talian. Hal ini menjadikan akses kepada perisian hampan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai sambungan Internet. Bagi peranti pula, sekiranya tiada komputer, perisian hampan masih boleh digunakan dalam telefon pintar atau tablet.

Kolaborasi antara Pengguna dalam Menggunakan Aplikasi Hampan

Fail aplikasi hampan yang diletakkan dalam storan penyimpanan awan boleh diakses oleh beberapa pengguna pada masa yang sama setelah diberikan akses oleh pemilik utama fail tersebut. Akses yang diberikan boleh berbentuk baca sahaja untuk tujuan pemantauan dan pengauditan ataupun dalam bentuk boleh mengubah suai bagi tujuan kolaborasi. Sebagai contohnya, sistem yang sentiasa mempunyai penambahan input baharu seperti penambahan pelajar boleh dilakukan oleh lebih daripada seorang staf universiti.

Fail tersebut juga boleh diletakkan sebagai boleh diubah suai oleh sesiapa yang mempunyai pautan. Individu yang mempunyai pautan itu boleh menyumbang untuk penambahan dalam dokumen tersebut. Hal ini membolehkan orang ramai memberikan maklum balas masing-masing dalam sesuatu perkara ataupun membuat penambahan entri dalam fail perisian hampan. Semasa orang lain membuat entri baharu atau mengubah suai entri yang sedia ada, kita dapat melihat aktiviti mereka secara langsung. Hal ini memudahkan kolaborasi antara beberapa pengguna dan mengelakkan mereka daripada membuat kesilapan semasa mengubah kandungan dokumen berkenaan.

Sebagai kesimpulannya, perisian hampan menjadi pilihan orang ramai untuk mengurus pelbagai bentuk data. Manfaat yang diperoleh apabila menggunakannya sangat banyak, terutamanya dari segi automasi, kualiti data dan keluaran informasi bermanfaat. Namun begitu, masih banyak orang yang menolak untuk menggunakannya dengan sepenuhnya disebabkan oleh kerumitan untuk mempelajarinya.

Oleh itu, kita harus menghayati manfaat yang akan diperoleh daripadanya dan bertekad untuk mempelajarinya melalui pelbagai kaedah yang tersedia sama ada melalui laman sesawang penstriman ataupun forum. Aplikasi hampan juga mempunyai ciri kolaborasi antara pengguna yang menambah lagi nilainya dari segi memudahkan urusan bagi memasukkan data dan keperluan maklum balas daripada pelbagai pihak. 